

Kaedah Samak Najis Mughallazah

Jenis Najis

1. *Najis Aini* ialah semua najis yang berjirim yang dapat dilihat atau mempunyai sifat zahir iaitu warna atau bau seperti tahi, kencing dan darah;
2. *Najis Hukmi* ialah semua najis yang telah kering dan kesannya telah hilang. Dengan kata lain, kesan warna atau bau najis tersebut tidak ada lagi.

Najis Mughallazah ialah najis jenis yang berat, iaitu anjing dan babi. Jika tercemar oleh najis *Mughallazah* hendaklah dibasuh dengan air sebanyak tujuh (7) kali. Satu daripadanya dengan air bercampur tanah, sama ada najis tersebut najis *aini* atau *hukmi*.

Kaedah membersihkan Najis *Mughallazah*;

1. Basuhan yang pertama adalah untuk menghilangkan kewujudan najis, walaupun berapa basuhan diperlukan. Hendaklah dipastikan tiada tinggalan air daripada air basuhan yang pertama;
 2. Basuhan yang seterusnya dikira sebagai basuhan yang kedua sehinggalah basuhan yang ketujuh;
 3. Salah satu dari basuhan tersebut hendaklah air yang bercampur tanah;
- ✓ Kadar tanah yang digunakan memadai menjadikan air tersebut berkeladak dan penggunaan bahan yang mempunyai kandungan tanah adalah dibenarkan.

Keadaan Tanah

Keadaan tanah yang digunakan hendaklah:

1. Bebas daripada najis; dan
2. Bukan tanah *Musta'mal* (iaitu yang telah digunakan untuk tayammum) kecuali setelah hujan lebat;

Keadaan Air

Keadaan air yang digunakan hendaklah:

1. Air *Mutlak* (air yang suci lagi menyucikan);
2. Bukan air *Musta'mal* (air yang telah digunakan untuk bersuci); dan
3. Bebas daripada najis.

Disusun oleh:

Bahagian Perhubungan Awam dan Sebaran Am (PASA), JAIS 2011